

Program disertai Muhyiddin, Najib kena kompaun

BH
- 3/11/2021
ml: 18

Tindakan bukti tiada pilih kasih kenakan tindakan pihak ingkar arahan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Nuraliawati Sabri
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan dua kompaun bernilai RM20,000 dan RM4,000 kepada penganjur program berkaitan Pilihan Raya Ne-

geri (PRN) Melaka yang turut dihadiri bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Najib Razak.

KKM dalam kenyataannya, berkata kompaun RM20,000 diberikan kepada Perikatan Nasional (PN) Melaka sebagai penganjur perhimpunan yang membatik kehadiran Pengerusi PN, Muhyiddin, manakala kompaun kedua sebanyak RM4,000 diberikan kepada individu yang bertindak sebagai penganjur program yang dihadiri Najib.

“Kompaun itu dikeluarkan berdasarkan pemantauan dan siasatan dijalankan pegawai diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

“Bagaimanapun, hasil siasatan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka mendapati tiada aktiviti berbentuk perhimpunan berkaitan PRN Melaka diadakan, namun ia hanyalah lawatan yang lebih berbentuk *walkabout* oleh dua individu itu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ahad lalu, Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang mendakwa pihak berkuasa mengamalkan dua darjat selepas mengenakan kompaun sebanyak RM10,000 kepada PKR walaupun parti itu mengadakan ceramah tanpa kehadiran orang ramai secara fizikal di Melaka.

Katanya, ia berbeza dengan Najib dan Muhyiddin kerana belum dikenakan tindakan undang-un-



Abdul Majid menunjukkan gambar majlis anjuran parti politik yang didakwa melanggar prosedur operasi standard pada sidang media di IPK Melaka di Ayer Keroh, semalam. (Foto BERNAMA)

dang selepas melakukan aktiviti sama secara bersembunyi.

Sementara itu, Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali, berkata tiada pilih kasih atau istilah dua darjat membatik tindakan terhadap kesalahan sepanjang tempoh PRN Melaka.

“Setiap tindakan diambil berlandaskan peraturan dan protokol selain mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

“Saya ingin maklumkan, polis tidak pernah menjalankan tugas dua darjat atau pilih kasih. Kita hanya jalankan tugas demi kepentingan awam.

“Kita hanya menjalankan tugas berlandaskan peruntukan undang-undang dengan penuh budi bicara dan kebijaksanaan demi kesihatan awam,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, semalam.